

Pelaksanaan projek baru dijangka alami kelewatan .

UM 2 APR 2001

KUALA KANGSAR 1 April — Pelaksanaan projek infrastruktur dan kemudahan baru sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dijangka mengalami kelewatan berikutan masalah kelulusan kontrak yang mengambil masa lama.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, berdasarkan pengalaman mengendalikan perkara berkenaan, pembayaran bagi pelaksanaan projek-projek terbabit juga dijangka mengambil sedikit masa.

"Sekarang di sektor pembinaan, kita mempunyai lebih RM16.5 bilion untuk tempoh lima tahun (RMK-8). Setiap tahun, kita ada banyak duit tetapi masalah pergerakan pembinaan kerana kerja tidak boleh dilakukan jika kontrak belum diberikan.

"Dari segi pembayaran, tahun

lalu, kita memelanjatkan 95 peratus daripada peruntukan projek bagi tahun berkenaan. Bagaimanapun, perbelanjaan besar hanya bermula September, Oktober dan November," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin Parlimen Sungai Siput, di sini, hari ini.

Ketika diminta mengulas mengenai langkah memampankan ekonomi negara dalam menghadapi kesan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat (AS), Samy Vellu berkata, beliau yakin akan menerima maklumat lanjut daripada Kementerian Kewangan tidak lama lagi.

Katanya, tanpa maklumat tersebut, Kementerian Kerja Raya tidak tahu sama ada Kementerian Kewangan akan meminta pihaknya melaksanakan sebarang projek baru bagi tujuan berkenaan.

"Sehingga kini, kita belum menerima ketetapan daripada Kementerian Kewangan sama ada meminta kita melaksanakan projek baru bagi tujuan itu.

"Bagaimanapun, berdasarkan peruntukan 2001 sebanyak RM3.4 bilion, ia sudah cukup untuk perbelanjaan projek-projek yang dirancang," katanya.

Selasa lalu, Kementerian Kerja Raya menerima peruntukan tambahan sebanyak RM3 bilion dalam membantu kerajaan memampankan ekonomi negara, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Usaha memampankan ekonomi negara, antara lain memabatkan pembinaan segera 200 sekolah, 193 kolej, empat universiti, dan 6,600 rumah kediaman anggota tentera.